

Buang Islamofobia pada orang filem

Ilmuwan Islam

APAKAH pengertian filem Islam?

DR. NAIM: Pokok pengertian filem Islam adalah daripada pengertian Islam itu sendiri. Filem Islam dan filem berunsur Islam juga adalah dua ungkapan berbeza.

Filem berunsur Islam adalah merujuk kepada filem yang antara paparnya mengandungi beberapa unsur yang selaras dengan tuntutan Islam tetapi tidak keseluruhan filem itu Islamik.

Mungkin daripada aspek naratif, dramatik, sinematografi, semiotik, aplikasi, teknikal dan kontekstualnya.

Filem Islam adalah konsep yang memerlukan kupasan 'luaran dan dalaman', aspek ciri dan konsep lain yang berkaitan. Malah pengertian Islam itu sendiri perlu jelas agar pengertian dan 'roh' Islam itu benar-benar berada dalam filem sehingga ia dapat dianggap sebuah filem Islam.

Maka, sebagai asasnya sesebuah filem Islam itu merangsang kepada keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan. Filem yang menganjurkan keamanan, ketenteraman, kedamaian dan kebersihan daripada segala yang negatif.

Ia juga filem yang membawa mesej penyerahan diri, tunduk, patuh dan bertauhid kepada Yang Maha Pencipta.

Seorang seniman yang jujur, insya-Allah akan menemui Allah dengan seninya. Kata seorang seniman jalanan di Indonesia, seorang seniman itu ialah sufi (orang yang baik) dan seniman itu juga adalah sufi.

Justeru, sebarang bentuk seni tetapi tidak menjadikan kita baik bukanlah dinamakan seniman. Sebabnya, seniman itu mengamalkan sifat *mahmudah* (terpuji).

Sebuah filem Islam itu perlu ada bukan sahaja nilai seni yang tinggi

SECARA fitrahnya, manusia suka kepada hiburan dan seni. Untuk itu, Islam tidak pernah melarang umatnya berhibur asalkan tidak melampaui batas yang ditetapkan.

Pengaruh dan kesan filem memang diakui. Sebagai media, pengaruh dan kesannya melangkaui jantina, budaya, umur, status sosial dan sempadan.

Seni jika dihasilkan untuk menegakkan yang makruf dan mencegah yang mungkar juga bakal diberi pahala oleh Allah SWT.

Ismail Hamid pernah menulis seni dalam Islam itu menanam rasa khusyuk kepada Allah di samping

memberi ketenangan di jiwa manusia sebagai makhluk Allah yang diciptakan dengan fitrah (yang hanif) yang gemar kepada kesenian, oleh itu seni dalam Islam tidak berslogan seni untuk seni tetapi sebagai seni kerana Allah untuk manusia. (*Peradaban Melayu dan Islam*, 1985)

Wartawan **MOHD. RADZI MOHD. ZIN** dan jurufoto **MOHD. HATIM MAZLAN** menemu bual mantan Profesor Komunikasi di Universiti Sains Islam Malaysia yang juga Ahli Seumur Hidup Persatuan Pengarah Filem Malaysia (FDAM), **Dr. Naim Ahmad** bagi mengupas isu ini.

tetapi dapat menembusi aspek rohani dan jiwa. Apa maksudnya?

DR. NAIM: Filem itu dibuat oleh pembikinya. Bagaimana mahu menghasilkan filem yang bagus?

Ini memerlukan kepada kemahiran menggarap seni, kepakaran teknik dan juga kemahiran guna teknologi. Ia juga memerlukan kepada jati diri.

Namun, yang masih kurang pada dasarnya adalah ilmu pengetahuan tentang Islam. Bukan tidak ada di kalangan pembuat filem kita tetapi kurang.

Kemahiran agama ini membawa kepada tauhid tadi. Ia bersesuaian dengan yang selalu disebut oleh ulama kita asal agama adalah mengenal Allah. Inilah yang telah dihilangkan oleh masyarakat Barat.

Barat tahu untuk menghilangkan kepercayaan kepada agama, akidah umat Islam ini perlu digegarkan. Sebab itu umat Islam perlu disibukkan dengan 3F iaitu *food* (makanan), *fashion* (fesyen) and *fun* (keseronokan).

Barat tahu untuk menghilangkan kepercayaan kepada agama, akidah umat Islam ini perlu digegarkan. Sebab itu umat Islam perlu disibukkan dengan 3F iaitu food (makanan), fashion (fesyen) and fun (keseronokan).

Namun, saya melihat bukan hanya 3F tetapi 10F iaitu *food* (makanan), *fashion* (fesyen), *free sex* (seks bebas), *feminin* (wanita), *film* (filem), *finance* (wang), *fantasy* (fantasi), *facebook*, *faith* (tauhid) and *fun* (keseronokan).

Membicarakan hal ini, Ismail Faruqi menyebut, tidak seperti kebudayaan lain mengaitkan keindahan sebagai kemewahan, nilai intrinsik yang difahami untuk kepentingan sendiri, kesenian Islam menghubungkan keindahan sebagai nilai yang tergantung keseluruhan kesahihan Islam itu sendiri. (*Islam and Culture*, 1980)

Ada juga pengeluar filem yang kata niat mereka baik untuk memberi pengajaran, tetapi perlakuan di dalam filem itu yang tidak baik. Bolehkah berhujah demikian?

DR. NAIM: Menghasilkan filem pada asalnya diharuskan oleh Islam. Namun pekerjaan yang harus ini menjadi haram jika proses penghasilan dan garapan pengisiannya menyalahi hukum dan etika Islam.

Niat itu tidak bersuara atau berhuruf. Ia adalah *qasad* atau keazaman untuk membuat sesuatu yang lahir daripada hati.

Dalam Islam, niat mesti baik dan ikhlas kerana setiap amal itu diukur berdasarkan niat kita. Tetapi matlamat tidak menghalalkan cara.

Contohnya, niat kita baik iaitu hendak membantu fakir miskin tetapi gunakan sumber yang haram. Ini tidak dibenarkan oleh Islam.

Begitu juga kalau ceritanya bagus tetapi busana atau pakaiannya teruk sehingga menampakkan aurat, itu haram.

Sebab itu, niat ini perlu disertakan dengan lafaz bismillah. Kalau tidak, ia tiada keberkatan. Malah, permulaan lafaz bismillah itu tidak menghalalkan perlakuan salah dalam sesebuah filem.

Contohnya, membuat filem porno untuk memberi pengajaran. Dalam hal ini, orang yang membuat, merancang, mengedar, membeli dan melakonkan adegan itu semuanya berdosa. Ia seperti juga penglibatan kita dalam arak.

Bagaimanapun, orang buat ini lebih kerana yang menontonnya juga turut berdosa. Sedangkan orang yang semata-mata melihat arak itu tidak berdosa.

Penghasilan filem ini kesannya tidak dibatasi umur, geografi dan budaya.

Jangan kita lupa, setiap kebaikan yang kita tonjolkan dalam filem itu akan menjadi amal jahiah yang boleh menyumbang pahala selepas kematian kita kelak.

Begitu juga jika filem kita itu penuh dengan kemaksiatan, maka kita akan memikul dosanya selama mana ia disaksikan oleh penonton.


Negara sudah merdeka lebih 50 tahun tetapi belum nampak kemunculan filem Islam. Antara alasannya susah nak buat filem Islam, batas aurat dan sebagainya. Betulkan dakwaan ini?

DR. NAIM: Segala hukum atau peraturan yang dibuat sama ada dalam agama atau adat mempunyai sebab dan tujuan.

Menghasilkan filem memang susah tetapi Allah bagi kita akal, daya kreativiti dan inovatif.

Dalam hal ini mungkin kita perlu gunakan perlambangan.

Islam itu mudah, jadi jangan susahkan perkara yang mudah dan jangan mempermudah perkara yang sukar. Kalau kita benar-benar berfikir tentang



DR. NAIM AHMAD